# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

## LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

18 JANUARI 2024 (KHAMIS)

Anjing Liar Ancam Keselematan Penduduk

| MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT | TARIKH |
|---|---|---|---|
| Utusan | Dalam Negeri | 30 | 18 Jan |

# Anjing liar ancam keselamatan penduduk

**PONTIAN:** Gangguan anjing liar di kampung-kampung bagai tiada penyelesaian apabila Kampung Parit Dato' Onn dan Kampung Sungai Naga di Pulai Sebatang turut mengalami masalah sama.

Sebelum ini gangguan hanya berlaku di kawasan Kayu Ara Pasong dan Parit Sikom menyebabkan penduduk bimbang dan tidak selesa dengan kehadiran banyak anjing liar.

Ketua Kampung Mukim Api-Api, Zakaria Sanusi mendakwa, kumpulan anjing itu digunakan bagi menjaga kebun seperti pisang, sayur, nanas, kelapa sawit daripada gangguan seperti monyet.

Namun, setelah tidak digunakan untuk menjaga kebun, anjing-anjing itu dibiarkan oleh pengusaha kebun menyebabkan binatang tersebut berkeliaran dan mengganggu penduduk setempat.

Ekoran tidak dijaga dan diberi makanan, kumpulan anjing itu menjadikan ayam dan kucing yang dipelihara oleh penduduk kampung sebagai sasaran.

"Penduduk banyak mengadu ayam dan kucing mereka hilang dipercayai telah dimakan oleh anjing-anjing tersebut terutama pada waktu malam," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Zakaria berkata, pada awalnya anjing-anjing yang ada hanya antara 10 hingga 20 ekor, namun jumlahnya kini lebih 50 ekor.

"Keadaan ini yang membimbangkan kami kerana bilangannya semakin bertambah dan menjadikan halaman rumah penduduk sebagai tempat 'tidur' bersama anak-anaknya yang baru lahir," katanya.

Kumpulan anjing itu juga akan menyelongkar sisa-sisa makanan dan menyebabkan penduduk bimbang dan khuatir mengenai keselamatan keluarga masing-masing.

"Setakat ini belum ada kejadian tidak diingini, tetapi ibu bapa yang menghantar anak-anak ke sekolah pada waktu pagi kerap kali dikejar oleh anjing-anjing tersebut," katanya sambil meminta supaya tindakan segera diambil oleh pihak-pihak berkenaan seperti Jabatan Veteriner dan Majlis Perbandaran Pontian (MPPn).

| Rabies Alert in Kuching, Bintulu | | | |
|---|---|---|---|
| **MEDIA** | **RUANGAN** | **MUKA SURAT** | **TARIKH** |
| The Sun | National | 5 | 18 Jan |

# Rabies alert in Kuching, Bintulu

**KUCHING:** Bintulu and Kuching have been declared rabies-infected areas, said Sarawak Food Industry, Commodity and Regional Development Minister Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom.

He added that 12 dogs tested positive, eight of which were in Kuching, one each in Padawan and Bau, and two in Bintulu.

"All the dogs were free-roaming and unvaccinated strays. I would like to remind the public to take extra precautions and go to the clinic if bitten by an animal," he said.

On Tuesday, Stephen said he had also signed an anti-rabies vaccination order under Section 40 (1) Veterinary Public Health Ordinance 1999, which requires all dogs in the state to be subjected to anti-rabies vaccination and annual boosters, adding that dog owners must be responsible for ensuring their pets are given the anti-rabies vaccine.

"Any owner or person in charge of a dog who fails to comply shall be liable to a fine of up to RM2,500. Dogs that are already exposed to rabies and do not have proper evidence of vaccination will be put to sleep," he said.

"The public can get their free dog anti-rabies vaccination at any government veterinary offices or during mass vaccination programmes, which will be announced from time to time on the official Sarawak DVS Facebook page. This year, we target to vaccinate up to 50,000 dogs."

Sarawak recorded 16 deaths last year from 18 human rabies cases. The total cases since July 2017 stands at 73, with 66 deaths. – Bernama

# TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR